

Dasar AP ada kelemahan, perlu dinilai semula – Kabinet

Oleh FAUZIAH AROF

UM 11 AUG 2005

PUTRAJAYA 10 Ogos – Dasar pemberian permit import (AP) perlu dinilai semula kerana terdapat kelemahan dalam dasar sedia ada, demikian menurut kenyataan Pejabat Perdana Menteri malam ini.

Kenyataan itu berkata, jemaah menteri dalam mesyuaratnya hari ini telah membincangkan secara terperinci isu berkaitan AP.

Sehubungan itu satu jawatankuasa peringkat menteri ditubuhkan bagi menilai dan memperhalusi draf Dasar Automotif Nasional termasuk mengkaji dasar pemberian AP.

Jawatankuasa tersebut dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan dianggotai oleh beberapa menteri Kabinet lain.

Menurut kenyataan itu, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz telah diminta memberi penjelasan berhubung perkara berkenaan.

“Jemaah Menteri berpendapat terdapat kelemahan dalam dasar AP yang sedia ada, yang memerlukan satu penilaian semula dibuat,” kata kenyataan itu.

Kenyataan empat perenggan itu menambah, jawatankuasa tersebut akan mengkaji semula dasar pemberian AP dan isu-isu berkaitan dengannya.

Hasil penilaian terhadap dasar AP itu akan diambil kira dalam Dasar Automotif

■ Lihat muka 2

Dasar AP ada kelemahan, perlu dinilai semula – Kabinet

Nasional yang akan diumumkan bulan depan.

Draf pertama dasar automotif itu juga telah disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Dalam pada itu, jawatankuasa tersebut turut mengambil kira pandangan dan cadangan dari semua pihak dalam menggubal dasar berkenaan.

Dasar Automotif Nasional yang akan dikeluarkan nanti akan menangani semua masalah yang timbul berkaitan isu ini dan memelihara kedudukan Proton sebagai kereta nasional.

Sementara itu, kenyataan daripada JPM itu juga menyebut, Rafidah tidak perlu membuat kenyataan lanjut kepada media mengenai isu AP sehingga dasar tersebut diumumkan.

Kontroversi berkaitan AP dibangkitkan oleh bekas Perdana

Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad, yang juga Penasihat Proton.

Dr. Mahathir berkata, pemberian AP tidak terkawal oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah mengakibatkan pengimportan kereta murah yang diisytiharkan bawah nilai sehingga menjejaskan jualan kereta nasional.

Bekas Perdana Menteri itu juga mempertikaikan bagaimana AP boleh dimonopoli oleh peniaga bumiputera tertentu.

Susulan daripada itu, Jabatan Perdana Menteri telah mengeluarkan senarai penerima AP bagi tahun 2004 dan 2005.

Daripada 67,000 AP dikeluarkan pada tahun ini, lebih 28,000 diberi kepada tiga individu iaitu Tan Sri Nasimuddin SM Amin, Datuk Syed Azman Syed Ibrahim dan Datuk Mohd. Haniff Abdul Aziz.